

**Edition: 15/2025**



# APB REMBAU E-BULLETIN



## EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj  
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,  
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei  
Shahrul Muhamad Shahrudin  
Nadia Yahyauddin

## TERIMA KASIH YOUTUBE

Ditulis oleh: Ahmad Azman bin Mohamad Ramli

Masih segar dalam ingatan saya pada suatu petang di sekitar tahun 2024, anak kecil bongsu saya sambil menangis telah mengadu kepada saya bahawa tayar basikal hadapannya kempis walaupun telah dipam berkali-kali. Beliau meminta saya membaiki kerosakan tersebut dengan segera. Saya terasa amat keberatan hendak membawa basikal tersebut ke kedai membaiki basikal disebabkan jarak kedai tersebut agak berjauhan daripada rumah dan cuaca pada ketika itu pula tidak begitu baik. Namun secara tiba-tiba muncul keinginan di hati saya untuk membaiki sendiri kerosakan tayar tersebut di rumah. Lantas tanpa berlengah saya segera membuka YouTube untuk mencari dan menonton video-video tentang cara-cara membaiki basikal.



Gambar 1: Video membaiki basikal di YouTube

Apabila saya membuka sahaja YouTube dan menaip perkataan "cara tukar tiub dan tayar basikal", saya dapati banyak video-video yang menerangkan tentang cara-cara membaiki basikal yang tersedia dalam media sosial tersebut. Saya juga dapati video-video itu telah dikongsi oleh individu-individu daripada pelbagai negara di seluruh dunia. Namun video yang menjadi pilihan utama saya ialah video dari negara Indonesia kerana kandungannya mudah difahami dan kuantiti video yang banyak.

Tanpa berlengah lagi, saya pun mula memilih dan menonton beberapa video yang bersesuaian. Selepas sahaja menonton, saya pun mula mempraktik ilmu yang dipelajari daripada tontonan tersebut. Peralatan pemberian seperti tiub baru dan tayar basikal baru saya beli secara dalam talian melalui aplikasi jualan Shopee. Saya juga menggunakan basikal anak-anak saya yang sedia tersimpan di rumah sebagai alat mempraktik ilmu yang dipelajari.



**Gambar 2: Peralatan membaiki basikal yang dijual di Shopee Malaysia**

Selepas beberapa minggu berlatih membaiki, akhirnya sekarang saya sudah mampu menukar sendiri tiub dan tayar basikal pancit anak-anak saya. Saya juga sudah mampu mengganti brek, rantai dan membaiki lain-lain kerosakan kecil pada basikal. Disebabkan memiliki ilmu ini, saya telah dapat berjimat kerana sudah tidak perlu lagi menghantar basikal yang rosak ke kedai untuk dibaiki. Saya juga berharap agar dapat menggunakan ilmu sebegini untuk menghabiskan masa lapang dengan cara yang berfaedah ketika bersara kelak.

Kesimpulannya, pada masa kini manusia amat mudah mempelajari sebarang ilmu kerana ianya banyak berada di hujung jari, seperti di YouTube dan di lain-lain media sosial. Cuma syarat utama untuk berjaya mempelajari sebarang ilmu ialah kita mesti mempunyai kerajinan yang tinggi dan sanggup berkorban masa dan tenaga untuk belajar! Terima kasih YouTube.